Lampiran 1

Prosedur dan Tatacara Pengelolaan Lawatan

1) Pendaftaran dibuka dalam tempoh sebulan lebih awal daripada tarikh lawatan.

2) Pendaftaran mengambil pendekatan tempahan awal tempat *(first come, first serve)* oleh mana-mana institusi. Pendaftaran boleh dibuat dengan mengemukakan surat rasmi melalui faks/e-mel ke:

Pengarah
Jabatan Pengurusan Fasiliti
Bangunan Sasana Kijang
Bank Negara Malaysia
No 2. Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 603 9179 2910 (En. Arman Shah Mahat)/603 9719 2919 (En. Ahmad Khusyairi Mohd Ali)
Faks: 603 9179 2175
E-mel: arman@bnm.gov.my/kush@bnm.gov.my

3) Pembatalan penyertaan hendaklah dimaklumkan dengan kadar segera, sekurang-kurangnya satu minggu sebelum sesi berlangsung. Pembatalan saat akhir boleh menyebabkan institusi disenarai hitam untuk sebarang lawatan ke Bank Negara Malaysia pada masa akan datang.

4) Delegasi lawatan dari institusi pengajian tinggi/sekolah WAJIB disertai oleh sekurang-kurangnya seorang pensyarah/guru pengiring. Adalah menjadi tanggungjawab pensyarah/guru pengiring untuk memaklumkan prosedur lawatan ini kepada para pelajar dan mengawal tingkah laku mereka semasa lawatan.

5) Sila berpakaian sopan dan tidak mencolok mata. Etika pemakaian mengikut amalan apabila berurusan dengan agensi Kerajaan WAJIB dipatuhi.

6) Pelawat diminta untuk berada di Lobi C (sekiranya tempat adalah di Auditorium Ibu Pejabat) atau di Lobi MAG (sekiranya tempat adalah di Auditorium Sasana Kijang) mengikut waktu yang ditetapkan dalam atur cara program. Jika pelawat tiba lebih awal dari waktu yang ditetapkan, sila berada di dalam bas sehingga diberitahu.

7) Premis dan kawasan Bank juga merupakan merupakan KAWASAN TERHAD. Sebarang pergerakan pelawat di pantau oleh sistem kamera keselamatan. Justeru, hadkan pergerakan anda di kawasan yang telah ditetapkan.

8) Premis bangunan serta kawasan sekitar Bank adalah kawasan LARANGAN MEROKOK. Tindakan tegas boleh diambil kepada individu yang melanggar peraturan.

9) Ketika berada di premis bangunan, sebarang rakaman kamera, telefon berkamera atau kamera video adalah DILARANG sama sekali. Tindakan boleh diambil ke atas individu yang ingkar. Rakaman foto di luar bangunan dibenarkan.

10) Institusi yang membuat lawatan adalah TIDAK DIGALAKKAN untuk memberi sebarang bentuk penghargaan berupa barangan/cenderamata kepada penceramah atau pihak Bank.

11) Pihak Bank Negara Malaysia berhak meminda tarikh atau butiran program sekiranya terdapat tuntutan dalaman organisasi. Walau bagaimanapun, makluman perubahan/pemindaan akan diuar-uarkan kepada institusi terlibat sewajarnya.

12) Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

En. Ahmad Khusyairi Mohd Ali/En. Arman Shah Mahat

Jabatan Pengurusan Fasiliti

Sasana Kijang

No. 2 Jalan Dato' Onn

Bank Negara Malaysia

Tel: 603 9179 2910 (En. Arman Shah Mahat)/603 9719 2919 (En. Ahmad Khusyairi Mohd Ali)
Faks: 603 9179 2175